

# PM kerap bertemu ulama bincang masa depan Melayu — Noh

UM 11 FEB 2002

TANJONG KARANG 10 Feb. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerap kali mengadakan pertemuan dengan ulama bagi membincangkan masa depan orang Melayu.

Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara, Datuk Noh Omar berkata, langkah Perdana Menteri itu secara langsung menunjukkan yang beliau tidak pernah memusuhi ulama.

Menurutnya, pada pertemuan itu, Perdana Menteri sering mendapatkan pandangan ulama demi membangunkan umat Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri itu juga berkata, setiap kali pertemuan antara Perdana Menteri dan ulama, beliau akan hadir sama.

Bagaimanapun, kata Noh,

pertemuan itu tidak dihebahkan kerana Perdana Menteri serius mengenai perbincangan dengan ulama.

“Dr. Mahathir sering mendapatkan pandangan ulama dalam beberapa pertemuan.

“Tumpuan pertemuan itu banyak membincangkan isu perdana dan masa depan orang Melayu terutama dalam bidang pendidikan.

“Namun kita tidak hebohkan pertemuan berkenaan malah pemimpin Pas juga tidak tahu mengenainya,” katanya kepada *Utusan* ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas artikel Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam lidah rasmi Pas, *Harakah*, yang bertajuk ‘Pas kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon’.

Dalam artikel tersebut,

Fadzil menyifatkan ucapan Dr. Mahathir pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Amerika Syarikat 3 Februari lalu sebagai ‘memualkan dan memalukan dirinya sendiri dan umat Islam seluruh dunia’ kerana ia diucapkan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam termasuk Ariel Sharon. Penganjur forum tersebut bagaimanapun telah mengesahkan bahawa Sharon tidak hadir pada majlis itu.

Noh berkata, langkah Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan ulama secara langsung membuktikan golongan ulama sentiasa dihormati.

Jelasnya, Pas sengaja cuba menimbulkan suasana kurang senang terhadap ulama supaya timbul perasaan benci terhadap Perdana Menteri.

Beliau berkata, tindakan Pas itu disebabkan parti pembangkang berkenaan kini sudah kehabisan isu.

Ini kerana, katanya, banyak isu sebelum ini yang diputar belitkan oleh Pas sudah terjawab dan sebaliknya mendedahkan tembelang parti pembangkang itu sendiri.

“Pas seperti biasa cuba timbulkan isu dan fitnah baru terhadap Perdana Menteri.

“Orang ramai boleh menilai sendiri, jika Perdana Menteri bincang dengan ulama, takkan beliau (Perdana Menteri) membenci ulama,” katanya.

Sehubungan itu, Noh menggesa para pemimpin Pas supaya segera bertaubat dan menghentikan tindakan menabur fitnah.